



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JB/12/2024**

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TEMPAT LETAK KERETA TERBUKA SEMENTARA  
DI LIMA (5) PERUMAHAN PENJAWAT AWAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
UNTUK TEMPOH 3 TAHUN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LIPM/CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah **kod bidang Gred : G2, Kategori CE - Pengkhususan CE32 – (Kerja Penyelenggaraan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **29 Februari 2024 (Khamis), jam 10:00 pagi** di **Bilik Mesyuarat 2 [NP(B)], Aras C8, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK dan STB** serta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli bermula **29 Februari 2024 (Khamis)** hingga **5 Mac 2024 (Selasa)** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK**.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **15 Mac 2024 (Jumaat)**.
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)**

Naib Presiden  
Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan  
Perbadanan Putrajaya